

# Sejarah Pakistan

(III)

Ini adalah bahagian terakhir sejarah negara Pakistan yang telah kita siarkan dengan cara bersiri-siri. Di dalam bahagian ini kita bawa pula para pembaca sekalian meninjau hasil mahsul negara yang didapati daripada bahan-bahan galian, perusahaan, pengangkutan, perdagangan, kuasa letrik, rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan pelajaran di negara itu. Semoga ada baiknya dijadikan contoh oleh negara kita yang sedang membangun ini.


Pengarang

## Bahan-bahan Galian:

Jumlah pengeluaran petroleum di Pakistan telah bertambah daripada 800,000 tong dalam tahun 1949 kepada 3 juta tong dalam tahun 1963. Ada harapan baik bagi mendapat minyak dari gunung-gunung Gram Kohat. Bukit-bukit Pathuja di Sylhet, bukit-bukit Chittagong, Sindh, Balochistan dan pantai Makran adalah dijangka akan mengeluarkan minyak juga. Penyelidikan dan usaha mencari minyak sedang dijalankan oleh pakar-pakar Rusia.

Pakistan mempunyai cukup gas semula jadi di Sui, iaitu kira-kira 14 trilion kaki padu, cukup untuk 200 tahun mengikut penggunaan sekarang. Di Pakistan Timur ada gas yang boleh didapati di Sylhet. Pengeluaran gas semula jadi di Sui telah bertambah kepada 50,000 juta kaki padu dalam tahun 1963. Apabila tamat rancangan lima tahun yang kedua, pengeluaran dijangka akan bertambah empat kali ganda.

Gas dari Sui bukan sahaja digunakan di rumah-rumah dan kilang-kilang



Masjid Chandanpura di Chittagong Pakistan Timur. – (Gambar dengan ihsan kedutaan Pakistan di Kuala Lumpur).

perusahaan, bahkan untuk membuat plastik dan sebagainya.

Timbunan-timbunan arang batu yang ada di bumi Pakistan sebanyak 165 juta tan. Sebelum kemerdekaan, pengeluaran arang batu ialah 35,000 tan, tetapi ia telah bertambah hingga 980,000 tan dalam tahun 1962. Rancangan yang kedua bermaksud hendak menambahkan lagi pengeluaran itu kepada 1.5 juta tan dalam tahun 1965.

Pakistan adalah negeri yang kedua di dalam dunia yang mengeluarkan paling banyak *chromite* yang bermutu tinggi.

Timbunan-timbunan yang ada di bumi Pakistan ditaksirkan sebanyak 250,000 tan. Dalam tahun 1963 pengeluarannya ialah 30,000 tan; matlamat pengeluaran bagi tahun 1965 ialah 50,000 tan.

Timbunan-timbunan bijih besi telah dijumpai di tiga tempat, Chitral, Dalbandin dan Kalabagh. Timbunan yang paling banyak ialah di Chitral, di mana bijihnya mengandungi 55 hingga 60 peratus besi. Rintangan-rintangan yang besar yang dihadapi ialah kesukaran

## Sejarah Pakistan

perhubungan dan pengangkutan. Pengeluaran tahunan bagi tahun 1963 ialah 6,000 tan sahaja.

Pakistan mengeluarkan cukup banyak garam dalam tanah untuk kegunaan sendiri (200,000 tan dalam tahun 1963), dan gipsium<sup>1</sup> didapati dari gunung garam, Balochistan dan Kalat. Ia digunakan untuk membuat pembalut orang sakit, baja, simen dan *sulphuric acid*. Sedikit-sedikit belerang, batu kawi, tembaga merah, tanah liat untuk membuat pinggan mangkuk, emas dan mika dikeluarkan juga.

### Perusahaan:

Sejak mencapai kemerdekaan, Pakistan telah mencapai kemajuan yang amat besar dalam bidang perusahaan. Di waktu mencapai kemerdekaan, terdapat hanya 17 buah kilang kain, 200,000 gelendong dan 5,000 akik. Matlamat yang hendak dicapai pada tahun 1965 ialah 3 juta gelendong dan 45,000 akik. Pengeluaran bagi tahun 1947 ialah 30 juta paun benang dan 90 juta ela kain: dalam tahun 1963 telah bertambah menjadi 432 juta paun benang dan 725 juta ela kain.

Menjelang tahun 1965 jangka pengeluaran menjadi 600 juta paun benang dan 1,000 juta ela kain. Pukul rata, kain yang boleh didapati bagi

tiap-tiap seorang telah bertambah daripada 1.4 ela kepada 15 ela dalam tahun 1962 dan bertambah lagi hingga 16 ela dalam tahun 1965.

Dalam tahun 1947 tiada kilang yang mengeluarkan kain jenis halus sekali. Sekarang Pakistan mempunyai banyak *machine* mengecap kain. Kilang-kilang kainnya telah memasang jentera untuk memproses kain supaya tidak boleh berkedut, tidak boleh kecut dan sebagainya. Berbagai-bagai jenis kain yang tinggi mutunya sekarang dikeluarkan yang mana boleh menandingi kain-kain yang dikeluarkan oleh negeri-negeri lain.

Dalam tahun 1948 Pakistan terpaksa mengimport kain yang berharga 62.5 juta Rupee dah sekarang ia mengeksport kain, berharga 53 juta Rupee dan benang berharga 15 juta Rupee. Kilang-kilang kain yang ada sekarang ini tidaklah termasuk perusahaan menenun dengan cara lama. Sekarang masih ada 500,000 penenun cara lama di negeri itu.

Pengeluaran benang bulu dan benang kain panas ialah 5.4 juta paun dalam tahun 1962. Ada kira-kira 300 kilang, dengan 6,900 akik, yang membuat kain-kain sutera, pengeluaran dalam tahun 1962 ialah 25 juta ela persegi. Di waktu mencapai kemerdekaan, cuma ada 7 kilang gula, yang mengeluarkan 49,500 tan gula. Sekarang beberapa buah kilang lagi telah dibina dan pengeluaran bertambah menjadi 100,000 tan. Rancangan-rancangan itu bertujuan hendak membolehkan pengeluaran yang secukupnya untuk negeri itu dengan secepat-cepatnya kerana keperluan negeri itu ialah 300,000 tan.

Sungguhpun Pakistan Timur mengeluarkan lebih banyak rami, pada masa benua kecil India dibahagi dua tidak ada kilang rami di Pakistan Timur. 108 kilang rami yang ada di India sebelum negeri itu dibahagi dua semuanya bertempat di daerah yang termasuk di dalam kawasan India. Kilang rami Pakistan yang pertama sekali telah mula mengeluarkan rami dalam tahun 1952.

Perbadanan kemajuan perusahaan Pakistan ditugaskan untuk memajukan perusahaan rami. Dalam masa 12 tahun perusahaan itu itu<sup>2</sup> telah dengan cepat dapat memenuhi kehendak negeri itu sendiri, malahan dapat mendatangkan wang asing berharga 310 juta Rupee (1963). Pengeluaran barang-barang daripada rami telah bertambah daripada 11,000 tan dalam tahun 1952 kepada 290,000 tan dalam tahun 1962.

Dalam tahun 1948 pengeluaran simen di Pakistan ialah 323,000 tan sahaja. Dalam tahun 1962 pengeluaran bertambah menjadi 1.4 juta tan. Beberapa buah kilang lagi akan dibina yang akan menambah pengeluaran kepada 2.5 juta tan. Pengeluaran kaca sekarang ialah lebih kurang 25,000 tan. Pengeluaran kertas dalam tahun 1964 ialah 66,227 tan dan kertas cetak 18,499 tan. Kemajuan telah tercapai juga dalam perusahaan-perusahaan elektrik.

Pengeluaran kipas elektrik ialah 236,000 buah, cukup untuk memenuhi keperluan negeri itu; apabila perusahaan-perusahaan itu sudah cukup maju, negeri itu akan dapat

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah gipsium (*gypsum*).

<sup>2</sup> Pengulangan perkataan 'itu' dalam teks.

## Sejarah Pakistan

mengeksportkan lebih daripada 100,000 kipas letrik setahun. Dalam tahun 1962 10,000 kipas letrik telah dieksportkan. Negeri itu dapat mengeluarkan 6,000 buah motor letrik setahun.

Pengeluaran lampu letrik dari 15 hingga 300 watt dan lampu kereta api ialah 4.1 juta dalam tahun 1962. 170,000 buah meter dapat dikeluarkan setahun 3,000 tan kawat dan kabel dikeluarkan setahun. Ada 15 kilang menerap radio dan 61,000 buah radio dapat dikeluarkan.

Sebuah kilang penapis minyak telah dibina di Karachi, yang mana boleh memproses 1.5 juta tan minyak. Kilang ini sedang diperluaskan untuk memproses 2.5 tan minyak. Sebuah kilang seperti itu juga, yang boleh memproses 1 juta tan, sedang dibina di Chittagong. Pengeluaran baja telah bertambah kepada 25.4 juta tan dalam

tahun 1963. Suda api dapat dikeluarkan sebanyak 46,800 tan dan habuk suda 100,000 tan.

Racun serangga dan pemupus dikeluarkan sebanyak 14,650 tan setahun.

Kilang-kilang untuk membuat *petrochemical*, serabut, dadah dan barang-barang perubatan, cat dan varnis telah telah<sup>3</sup> dibina dan ada yang sedang dibina. Perusahaan-perusahaan berat telah mendapat perhatian yang berat juga. Sebuah kilang membuat lori yang akan dapat mengeluarkan 4,000 buah setahun sudah siap. Sebuah kilang sedang dibina untuk membuat 2,000 traktor setahun. 280,000 buah basikal dapat dibuat setahun. Dan ada kilang-kilang membuat *machine* jahit, paip, pam, dan lain-lainnya.

Kilang kapal di Karachi mempunyai kemudahan-kemudahan untuk membaiki kapal dan membuat kapal seberat 10,000 tan. Pada masa ini ia dapat menyiapkan sebuah kapal dalam setahun; cadangan-cadangan untuk memperluaskannya sedang

ditimbangkan. Kilang kapal di Khulna boleh membuat 15 buah kapal seberat 750 tan dalam setahun dan juga boleh membaiki kapal. Kerja meluaskan kilang tersebut sudah pun siap pada tahun 1965.

Limbungan kapal di Narayanganj, yang boleh menyelenggarakan 90 buah kapal setahun telah dimodenkan dan dibesarkan. Sebuah limbungan di Chittagong sedang dirancangkan. Adalah ditaksirkan bahawa harga kerja-kerja yang diselenggarakan oleh oleh<sup>4</sup> limbungan-limbungan dan kilang-kilang kapal itu dalam tahun 1963 ialah 25.4 juta Rupee. Dua kilang besi waja sedang dibina, satu di Karachi dan satu lagi di Chittagong, yang boleh menyelenggarakan 500,000 tan.

### Perhubungan dan Pengangkutan:

Perkhidmatan kereta api di Pakistan Timur mempunyai landasan kereta pai sepanjang 2,600 batu dan jalan kereta api sepanjang 1,713 batu. Perkhidmatan kereta api Pakistan Barat mempunyai landasan kereta api sepanjang 7,553 batu dan jalan kereta api sepanjang 5,326 batu. Pada masa negeri itu dibahagi dua, hanya 10 peratus daripada jalan-jalan raya di benua kecil itu termasuk ke dalam kawasan Pakistan. Jalan-jalan itu dibina dahulu untuk memenuhi keperluan pertahanan.

Tetapi di Pakistan Barat sistem pengangkutan adalah untuk memudahkan pengeksportan makanan sedangkan di Pakistan Timur tidak ada ketegasan diletakkan pada pengangkutan menerusi jalan-jalan raya. Rangkaian jalannya sudah luput dan buruk. Dari itu, 400 juta Rupee telah dibelanjakan kerana kemajuan jalan raya dalam



Sebuah kubu lama yang bersejarah di Lahore. – (Gambar dengan ihsan kedutaan Pakistan di Kuala Lumpur).

<sup>3</sup> Pengulangan perkataan 'telah' dalam teks.

<sup>4</sup> Pengulangan perkataan 'oleh' dalam teks.

## Sejarah Pakistan

rancangan lima tahun yang pertama.

Rancangan yang kedua menguntukkan 563 juta Rupee. Panjangnya jalan-jalan raya dalam tahun 1963 ialah 1,983 batu di Pakistan Timur dan 22,791 batu di Pakistan Barat.

Karachi di Pakistan Barat dan Chittagong dan Khulna di Pakistan Timur mempunyai pelabuhan-pelabuhan. Perkapalan yang diselenggarakan dalam tahun 1963 ialah 6.4 juta tan, 3.2 juta tan dan 1.5 juta tan. Pelabuhan-pelabuhan tersebut sedang diperbaiki.

Pengangkutan menerusi sungai-sungai ialah kaedah yang penting sekali di Pakistan timur; ada kira-kira 5,000 batu sungai yang boleh digunakan sepanjang tahun dan yang boleh digunakan di musim-musim yang tertentu sahaja, iaitu Sungai Ganges di sebelah hilir, Sungai Brahmaputra dan Sungai Meghna, di mana terbentuknya benteng yang terbesar sekali di dunia.

Perkhidmatan penerbangan kebangsaan, Perbadanan Perkhidmatan Penerbangan Antarabangsa Pakistan; sedang maju dengan cepatnya ke arah tercapainya taraf perkhidmatan penerbangan antara-bangsa, di samping memberikan perkhidmatan kapal terbang dan helikopter dalam negeri.

### **Kuasa Letrik:**

Dengan adanya kemajuan cepat dalam semua lapangan ekonomi, maka Pakistan memerlukan lebih banyak kuasa letrik dan keperluannya itu dipenuhi oleh berbagai-bagai rancang usaha yang telah siap. Kuasa letrik yang dapat dikeluarkan dalam tahun 1962 ialah 838,812 kilowatt, dan yang dijual ialah 1,715 juta kilowatt.

### **Perdagangan luar:**

Harga eksport bagi tahun 1948-1949 ialah 957.6 juta Rupee dan bagi tahun 1962-63 ialah 2,033 juta Rupee import bagi tahun 1962-63 ialah 1963-63 juta Rupee. Dalam tahun 1963-63 eksport penting ialah: rami 792.8 juta Rupee; barang-barang daripada rami 302.9 juta Rupee; benang kapas 16.6 juta Rupee; kain-kain kapas 51.2 juta Rupee; kulit lembut 9.4 juta Rupee; kulit kambing 39.6 juta Rupee; teh 6.3 juta Rupee; ikan 104.8 juta Rupee; beras 149.7 juta Rupee.

### **Kewangan:**

Mata wangnya ialah Rupee, dibahagi kepada 100 paisa. Penukaran: 0.21 ringgit atau 0.075 Pound Sterling atau 18 pence. Penyimpan emas, ringgit dan sterling yang dipegang oleh Bank Negara Pakistan pada 13 haribulan Disember 1963 ialah 1,408 juta Rupee. Pendapatan dalam

anggaran belanjawan kerajaan pusat bagi tahun 1963-64 ialah 2,240.4 juta dan perbelanjaan 2,077.5 juta.


### **Hasil kerajaan Pakistan**

Timur bagi tahun itu juga ialah 1,003.5 juta dan perbelanjaan 917.1 juta. Hasil kerajaan Barat ialah 1,345.3 juta dan perbelanjaan 1,226.9 juta.

### **Rancangan-rancangan Pembangunan:**

Kerja dalam rancangan lima tahun yang kedua (1960-65) yang dijangka akan memakan belanja 23,000 juta Rupee, sedang dijalankan. Negeri itu dijangka akan mencapai kemajuan yang besar manakala rancangan itu telah siap dilaksanakan, dan selepas itu suatu rancangan yang ketiga yang lebih besar lagi akan dilaksanakan. Matlamat rancangan lima tahun yang kedua ialah:

1. Tambahan 24% dalam hasil negara dan 12% dalam pendapatan seseorang.



Bangunan sebuah universiti Islam di Pakistan. – (Gambar dengan ihsan kedutaan Pakistan di Kuala Lumpur)

## Sejarah Pakistan

2. Tambahan 21% dalam pengeluaran makanan.
3. Tambahan 60% dalam pengeluaran perusahaan-perusahaan besar.
4. Tambahan pekerjaan sebanyak 3 juta.
5. Tambahan 10% dalam simpanan biasa.
6. Kawasan-kawasan yang kurang maju akan mencapai kemajuan lebih cepat.
7. Tambahan 15% dalam pendapatan wang asing.

Dengan tercapainya kemajuan dalam pelaksanaan rancangan lima tahun yang kedua dalam tiga tahun yang pertama, ekonomi Pakistan sekarang ini adalah jauh lebih kukuh daripada dahulu. Ketenteraman politik yang telah diterbitkan oleh kerajaan Ayub telah menimbulkan keyakinan bahkan telah menyemaikan semangat keghairahan di kalangan rakyat dalam menumpukan segala tenaga untuk memajukan negeri.


Dengan adanya asas ekonomi yang kuat maka sudah tentu pembangunan akan berjalan dengan lebih deras. Nampaknya, daripada laporan-laporan pertama yang didapati, hasil rancangan ketiga akan melebihi

hasil rancangan kedua dengan dua kali ganda.

### Kemajuan Pelajaran

Sebelum Pakistan dilahirkan, kawasan-kawasan yang termasuk di dalam Pakistan sangatlah mundur dalam bidang pelajaran. Hanya 18% daripada penduduk-penduduknya yang tahu menulis dan membaca. Sejak kemerdekaan dan khususnya selepas kerajaan Ayub terbentuk, Pakistan telah mencapai kemajuan yang cemerlang dalam bidang pelajaran.

Sekarang Pakistan mempunyai 44,484 buah sekolah rendah dengan 4,614,156 murid dan 123,310



Sebahagian daripada tentera darat Pakistan yang gagah perkasa berpakaian lengkap sedang berbaris di hadapan *President* Ayub Khan kerana memperingati ulang tahun terbentuknya negara Islam Pakistan di beberapa tahun yang lalu. – (Gambar dengan ihsan kedutaan Pakistan di Kuala Lumpur).



## Sejarah Pakistan

guru. Tujuannya ialah memberi pelajaran percuma kepada sekalian murid-murid, dan adalah dirancangan bahawa semua kanak-kanak yang sudah cukup umur untuk bersekolah akan dapat bersekolah di sekolah-sekolah rendah selama 8 tahun dalam tempoh 15 tahun yang akan datang.

Bilangan sekolah menengah ialah 6,096 dengan 1,1401,356 murid dan 52,294 guru. Pelajaran kejuruan di peringkat menengah adalah diberikan oleh 8 buah sekolah pertanian, 2 buah sekolah perdagangan, 2 buah sekolah kejuruteraan, sebuah sekolah seni halus, 88 buah sekolah perusahaan dan teknik dan 3 buah sekolah perubatan.

Bilangan maktab ialah 251. Dan ada 6 buah universiti. Bilangan murid yang sedang menerima pelajaran tinggi ialah 135,371.

Oleh kerana asas Pakistan ideologi Islam, maka pelajaran agama adalah diberikan di sekolah-sekolah dan maktab-maktab selain daripada pelajaran yang diberikan di masjid-masjid. Ada sebuah institut pusat penyelidikan Islam serta banyak institut kebudayaan Islam.

Tamat

### Peringatan:

Sejarah ini disedut dari buku: "World Muslim Gazetter" yang diterbitkan oleh: "Umma Publishing House" Karachi – Pakistan bagi pihak Mu'tamar al-'Ālam al-Islāmī.



Wanita-wanita Pakistan di wilayah pergunungan Chittagong (Pakistan Timur) dengan pakaian kebangsaan mereka. – (Gambar dengan ihsan kedutaan Pakistan di Kuala Lumpur).

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah IV

### ***GABNOR dan HAKIM***

sa-buah 60 sen.

belanja Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah V

### ***DUSTA YAHUDI***

Harga 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.